

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 2/1998**

**Garis Panduan Pelaksanaan Keputusan Majlis Tindakan Ekonomi
Selangor Bagi Menambah Kuasa Lesen Pentadbir Tanah Daerah Untuk
Meluluskan Lesen Menduduki Sementara Bagi Tanah-Tanah
Pertanian Dari 3 Ekar Kepada 10 Ekar**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 11 Mac, 1998 telah meluluskan garis panduan mengenai pelaksanaan keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor bagi menambah kuasa Pentadbir Tanah di Daerah-Daerah untuk meluluskan Lesen Menduduki Sementara (LMS) bagi tanah pertanian dari 3 ekar kepada 10 ekar seperti yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 11 Februari 1998 iaitu :

- 1.1 Bagi tanah-tanah pertanian yang mempunyai keluasan 10 ekar ke bawah dengan syarat kawasan tidak berdampingan (contiguous) antara satu sama lain yang dipecah bagi tujuan kelulusan untuk **tanaman kontan sahaja** iaitu buah-buahan, sayur-sayuran dan memelihara ikan dan kerang.
- 1.2 Bagi tanah pertanian selain daripada 3 jenis di atas masih dikekalkan mengikut Ordinan Perwakilan Kuasa Sel.PU. 18 bertarikh 7/6/1984.
- 1.3 Pentadbir Tanah ertinya Pentadbir Tanah sesebuah Daerah dan tidak termasuk Penolong Pentadbir Tanah.

- 1.4 Perwakilan kuasa ini akan dikaji semula kekesanannya selepas 6 bulan dari tarikh perlaksanaannya.
2. Dengan kelulusan tersebut, maka Perwakilan kuasa yang diwakilkan kuasa kepada Pentadbir Tanah adalah dipinda seperti di lampiran A.
3. Semua permohonan Lesen Menduduki Sementara hendaklah diirujuk kepada Jawatankuasa Tanah Daerah.
4. Perwakilan kuasa ini berkuatkuasa pada 11/2/1998.

T.T

(DATO' HAJI MOHD. ESA BIN SHARIFF)

Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 12 Mei 1998

PTG.SEL. (R) 675 Jld.2

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.1/2008***

KEDUDUKAN/ KUASA SEKARANG	KUASA	PINDAAN	KUASA
LMS untuk pertanian memelihara ikan, kerang, binatang ternakan, memetik buah-buahan, menorah getah, jalan, jambatan, jeti dan kawasan hampas lombong, tanah rizab dan tanah lombong (Sel.P.U 18 bth. 7.6.1984)	YAB. Menteri Besar	1. LMS bagi tanah pertanian untuk tanaman kontan sahaja iaitu: i. buah-buahan ii. sayur-sayuran iii. memelihara ikan dan kerang.	Kekal
50 ekar ke bawah	Pengarah Tanah dan Galian		Pentadbir Tanah (bagi 3 jenis di atas sahaja) yang lain-lain kuasa PTG.
10 ekar ke bawah	YAB. Menteri Besar		
3 ekar ke bawah (setelah mendapat perakuan Jawatankuasa Tanah Daerah)	Pentadbir Tanah	2. 10 ekar ertinya keluasan sesebuah kawasan yang tidak berdampingan (contiguous) antara satu sama lain yang dipecahkan bagi tujuan kelulusan. 3. Pentadbir Tanah ertinya Pentadbir Tanah sesebuah daerah dan tidak termasuk Penolong Pentadbir Tanah. 4. Perwakilan kuasa ini perlu dikajisemula kekesanannya selepas enam (6) bulan dari tarikh perlaksanaannya. 5. Perwakilan kuasa berkuatkuasa mulai 11.2.1998.	Kekal (selain dari 3 jenis di atas).